

# AL-QURAN PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

## PERSAMAAN HAK DAN KEWAJIPAN

(VI)

“Tiap-tiap pemerintah (Islam) itu, biar bagaimanapun bentuk atau sesunannya, wajib tunduk takluk kepada pokok-pokok dan batas-batas hukum yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam Quran....”

Kata al-Marhum Hāji Agus Salim sebagai penutup -P.

(Oleh Hāji Agus Salim)

Satu lagi jasa ajaran Quran kepada umat manusia ialah persamaan hukum, persamaan hak dan kewajipan atas segala manusia. Dengan tidak membesarkan pangkat darjat kerana keturunan atau jawatan. Dari raja- khalifah, *amīr* ataupun gelarannya di atas, sampai rakyat hina dunia di bawah, lelaki atau perempuan, tidak ada perbezaan hak dan kewajipan, tidak ada perbezaan hukum. Perbezaan yang ada hanyalah berat tanggungan atas yang memegang jawatan kekuasaan; berkelebihan di dalam ilmu atau kebudayaan; melebihi berat tanggungan atas yang lebih kuat daripada yang lebih lemah; melebihi berat kewajipan dan tanggungan atas suami daripada isteri; atas majikan daripada buruh.

Hukum persamaan itu, yang menghapuskan pembahagian manusia atas tingkatan keturunan (kelas dan kasta), dari mula-mula zaman Islam dalam abad ketujuh dari kelahiran Nabi Isa ‘alaihi Salam, disiarkan dan dihantarkan oleh umat Islam ketiap-tiap negeri dan bangsa yang ditaklukkannya; sebelas abad lebih dahulu daripada pemberontakkan Amerika dan pemberontakkan Perancis; tiga belas abad dahulu daripada pemberontakkan Russia; dan datangnya bukanlah dengan

pemberontakkan dari satu kaum yang tertindas, dengan banjir darah yang untuk selama-lamanya menanamkan benih permusuhan atas golongan dengan golongan, melainkan diterima sebagai perintah Allah dengan tidak memecahkan satu bangsa atas golongan “atas dan bawah” yang bertentangan.

Hukum persamaan itu menyebabkan bahawa perbudakkan (perhambaan) di dalam Islam menjadi sempit; berlainan sifatnya dengan peraturan dalam segala masyarakat yang lain-lain seperti yang terkenal di dalam riwayat eropah Barat sampai akhir abad kelapan belas; di Amerika Syarikat sampai lewat pertengahan abad kesembilan belas; di Russia sampai permulaan abad kedua puluh.

Oleh hukum persamaan (Islam) itu si budak (hamba) tidak menjadi satu “bangsa” atau golongan yang terhina. Ia menjadi kawan dan anggota dalam keluarga, yang sewaktu-sewaktu dapat memperoleh kesempatan menebus dirinya atau beroleh kemerdekaan sebagai hasil hukum agama tentang kewajipan memerdekakan hamba. Dan si hamba yang merdeka tidak dibezakan haknya dari golongan bekas tuan pemiliknya itu, jalan terbuka baginya untuk segala pangkat

dan darjat dalam agama, dalam masyarakat dan dalam negara, dengan tidak ada kluatir akan dibeza-bezakan dengan orang yang tidak berasal hamba. Bahkan di hamba ini semasa ia berada dalam pegangan pemilik telah mempunyai hak-hak yang tak boleh dilanggar oleh si pemilik dan dalam riwayat bangsa-bangsa Islam bukan sedikit hamba-hamba diberi memegang jawatan kepercayaan yang penting-penting oleh pemiliknya. Oleh kerana itu penghapusan perhambaan dalam negeri-negeri Islam tak pernah ada negeri-negeri yang menyebabkan perang sebangsa seperti di Amerika Syarikat yang terjadi pada tahun 1860.

Sebagai lagi di dalam negeri-negeri Islam tidak ada golongan bekas hamba atau keturunan bekas hamba yang dipandang rendah dan hina di dalam masyarakat, sampai menmbulkan kesulitan seperti di Amerika Syarikat itu. Seperkara lagi yang rupanya dilupakan oleh segala pihak di tanah air kita, ialah bahawa di dalam masa kompeni Belanda, terus sampai tahun 1860 sangat ramai perniagaan hamba di daerah jajahan Hindia Belanda. Tetapi perniagaan itu terlebih ramai dari bahagian-bahagian daerah yang tidak beragama. Hukum persamaan yang turun dari firman Allah Ta'ālā dalam Quran bahawa Islam mempunyai perkahwinan yang terlebih sempurna memelihara dan melindungi hak-hak dan keamanan hidup kaum perempuan.

### Perkahwinan Islam

Berkenaan denga hal ini saya tahu, bahawa perkahwinan Islam menjadi salah satu hal yang terlebih sekali dibanjiri dengan kritik, bukan sahaja oleh dunia Barat, yang memang memandang dunia Islam sebagai musuhnya yang terlebih berbahaya dalam masa yang lalu itu; dalam kalangan bangsa kita sendiri pun, dan bukan hanya dari pihak kaum perempuan, tidka kurang-kutang kritik yang pahit-pahit dan pedas-pedas ditimpakan orang atas hukum perkahwinan Islam itu.

Sekalian pengkritik itu lupa rupanya bahawa hukum perkahwinan Islam itu telah mulai berlaku dari abad ketujuh masihi. Maka tidak mereka cuba mengetahui bagaimana hukum perkahwinan waktu itu dalam kalangan bangsa-bangsa di luar Islam. Mereka lupa bahawa aturan perkahwinan dalam Islam merupakan satu bahagian daripada hukum, yang maksudnya melindungi dan membela keselamatan dan kehormatan kaum perempuan umumnya. Mereka lupa sampai sekarang ini pun belum ada suatu hukum perkahwinan lain, dalam suatu bangsa di Timur atau di Barat yang dapat mengatur hukum yang lebih sempurna untuk mencapai maksud itu; melindungi dan membela keselamatan dan kehormatan kaum perempuan umumnya. Mereka lupa atau memang tak mahu memperhatikan, bahawa kaum perempuan tetap perlu kepada perlindungan dan pembelaan keselamatan dan kehormatan itu, biar bagaimanapun disamakan haknya, disamakan pengajaran dan pendidikan; dan biar bagaimana pun mereka sendiri hendak menyamai atau menyerupai lelaki dalam segala adat hidup, tingkah laku pekerjaan dan permainan.

Tetapi saya mengerti bahawa dalam lingkungan karangan ini bukanlah tempatnya bagi saya akan menghuraikan hukum perkahwinan dengan melengkapkan jawab terhadap kepada segala bantahan. Untuk mereka yang sungguh-sungguh hendak membahas perkara ini, saya yakin bahawa dengan tambah lengkap pengetahuan nescaya akan tambah jelas kepada mereka tingginya darjat hukum perkahwinan Islam dalam kebudayaan manusia, asal sahaja mereka ingat bahawa berapa pun baiknya hukum, akan tetapi suatu bangsa hanya dapat melaksanakan seukuran dengan tingkat kemajuan peradaban dan kebudayaan yang telah diciptanya.

### Hukum persamaan dalam politik

Di atas ini telah saya huraikan pengaruh hukum persamaan manusia itu di dalam pergaulan hidup masyarakat.

-sambungan pada muka 32

-sambungan dari muka 9

di dalam politik negara hukum persamaan itu mencegah berdirinya pemerintahan Adika walau diktator dengan kekuasaan maharajalela membuat hukum, mengubahnya sewaktu-sewaktu, menjalankannya atau tidak menjalankannya. Untuk tiap-tiap masa, untuk tiap-tiap pemerintah di dalam Islam, biar apa pun bentuknya; pemerintah raja atau republik dengan kekuasaan golongan bangsawan (aristokrat) atau dengan kekuasaan rakyat (demokrat). Pemerintah itu tunduk kepada hukum Quran, yang menetapkan pokok-pokok hak dan hukum yang merupakan batas-batas ditentukan oleh Tuhan kita iaitu “*hudūdullāh*” yang tak boleh dilanggar, tak boleh dilangkahi.


Pemerintahan beraja, yang menjadikan orang seorang menjadi tempat himpunan kedaulatan, tak boleh berlaku maharajalela (autokrat), menurut maharajalela pendapat dan

kehendak orang yang seorang itu, hendak untuk kepentingan dirinya dan keluarganya.

Pemerintahan golongan bangsawan, terpancang sebagai orang “berbangsa” yang menduduki kedudukan berkelebihan, tak boleh berlaku maharajalela, menurut maharajalela pendapat dan kehendak orang golongan itu, untuk kepentingan golongannya.

Pemerintah, kerakyatan, demokrasi, tak boleh menjadi mobokrasi, pemerintahan maharajalela menurut pendapat dan kehendak dorongan hawa nafsu orang banyak. Atas kekuasaan banyaknya sahaja. Dipaksa atas golongan-golongan yang kalah jumlahnya.

Melainkan tiap-tiap pemerintah itu, biar bagaimanapun bentuk atau susunannya, wajib tunduk dan takluk kepada pokok-pokok dan batas-batas hukum yang ditetapkan oleh Allah di dalam Quran seperti yang telah disebutkan itu.



*Bergambar ramai selepas jamuan teh yang diadakan di Sekolah Melayu Labuan, semasa menyambut kedatangan Konsul Jeneral Republik Indonesia Dr Herman Kartowisistiro dan naib wakilnya oleh oleh warga negara Indonesia di Labuan baharu-baharu ini.*

*Di antara jemputan-jemputan khas inilah tuan Residen Labuan, Tuan Pegawai Daerah, serta wakil-wakil bangsa Cina, Persatuan Melayu, guru-guru dan pengetua agama.*